



FATEHAH LEARNING CENTRE
ILMU . AMAL . AMAN .

NOTA RINGKASAN

ASAS TAJWID AL-QUR'AN

RASM 'UTHMANI

RIWAYAT HAFS

IMAM 'ASIM

' Kuasai Ilmu Tajwid Dengan Mudah '
' Seronoknya Cinta Al-Qur'an '

Disusun oleh:
Ahmad Fitri Bin Mat Rusop

Disemak oleh:
Mohd Izwan Bin Ahmad

FATEHAH LEARNING CENTRE
27-2, Jalan Wangsa Delima 2A,
Seksyen 5 Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur

WhatsApp: 011 - 1621 7797
Tel: 03 - 4131 9057





KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Pengenalan	3
2	Makhraj Huruf	5
3	Alif Lam Ma'rifah	10
4	Hukum Bacaan Nun Mati Dan Tanwin	11
5	Hukum Bacaan Mim Mati	14
6	Bacaan Mim Dan Nun Syaddah	15
7	Jenis-jenis Idgham	16
8	Jenis-jenis Mad	17
9	Hukum Bacaan Ra	24
10	Hukum Bacaan Lam Pada Lafaz Al-Jalalah	25
11	Qalqalah	25
12	Tanda-tanda Waqaf	26
13	Cara Bacaan Hamzah Wasal	27
14	Iltiqa' Sakinain / Nun Al-Wiqayah	28
15	Bacaan-bacaan Gharib dalam Al-Qur'an	29



PENGENALAN

PENGERTIAN TAJWID

- Tajwid dari sudut bahasa bermaksud memperelokkan atau memperindahkan.
- Dari sudut istilah pula, Tajwid bererti megeluarkan huruf dari tempatnya dengan memberikan hak sifat-sifat yang dimilikinya.
- Ringkasnya, ilmu tajwid adalah ilmu tentang cara membaca Al-Quran dengan baik dan betul.

TUJUAN MEMPELAJARI ILMU TAJWID

- Supaya dapat membaca ayat suci Al-Qur'an secara fasih (betul/benar), lancar, serta dapat memelihara lidah dari kesalahan-kesalahan ketika membaca al-Qur'an.

HUKUM MEMPELAJARI ILMU TAJWID

- Hukum mempelajari Ilmu Tajwid adalah **Fardhu Kifayah**.
- Akan tetapi, hukum mengamalkan tajwid di ketika membaca Al-Qu'an adalah **Fardhu 'Ain**, atau wajib ke atas setiap lelaki dan perempuan yang mukallaf.



KESALAHAN-KESALAHAN DALAM BACAAN AL-QUR'AN

(اللَّهُنَّ الْجَلِيلُ)

Ia berlaku apabila terdapat kesalahan pada sebutan huruf atau perubahan pada tanda baris, sama ada membawa kepada perubahan makna atau tidak.

Kesalahan ini dihukumkan haram dan berdosa. Jika kesalahan ini berlaku dalam bacaan solat, maka tidak sah atau tidak sempurnalah solat tersebut.

(اللَّهُنَّ الْخَفِيُّ)

Kesalahan ini tidak membawa kepada perubahan makna, seperti meninggalkan dengung, tidak dapat menentukan kadar harakat mad dengan sempurna, atau tidak

Kesalahan ini tidak sampai mencacatkan solat, namun begitu, para pembaca Al-Qur'an patut meninggalkannya.

TINGKATAN BACAAN AL-QUR'AN

At-Tahqiq

At-Tahqiq merupakan tingkatan yang paling lambat dan perlahan-lahan. Tempo ini biasanya digunakan bagi mereka yang sedang belajar membaca Al-Qur'an agar dapat melafazkan huruf beserta sifat-sifatnya dengan tepat.

At-Tartil

At-Tartil ertinya membaca Al-Qur'an dengan perlahan dan tenang. Setiap huruf dilafazkan satu persatu dengan jelas dan tepat menurut makhraj dan sifatnya, serta terpelihara ukuran panjang pendeknya, dan berusaha untuk memahami maknanya. Membaca dengan tartil lebih baik dan diutamakan.

At-Tadwir


Tingkatan ini berada pada pertengahan antara tartil dan hadr. Bacaan at-tadwir ini dikenal dengan bacaan yang sedan, tidak terlalu cepat dan juga tidak terlalu perlahan. Kebiasaan dibaca dalam solat oleh para imam.

Al-Hadr

Al-Hadr adalah tingkatan bacaan Al-Qur'an yang paling cepat. Namun hukum tajwid masih lagi terjaga. Al-Hadr biasanya diguna pakai oleh mereka yang sudah menghafal Al-Qur'an agar dapat mengulang hafalan dalam masa yang singkat.



MAKHRAJ HURUF




Makhraj huruf bermaksud tempat keluar sebutan huruf-huruf hija'iyyah. Terdapat **5 pembahagian umum** kesemuanya. Di dalamnya pula terdapat **17 makhraj huruf khusus**.

1. Al-Halq (الْحَلْقُ)

- Ia bermaksud kerongkong tekak atau halkum. Terdapat 6 huruf kesemuanya yang keluar dari kerongkong tekak, iaitu (ء ء ح ع غ خ). **6 Huruf Halqi** tersebut pula terbahagi kepada **3 bahagian** khusus:

- a) Pangkal kerongkong: (ء)
- b) Tengah kerongkong (ع ح)
- c) Hujung Kerongkong (غ خ)



2. Al-Lisan (اللِّسَانُ)

- Ia bermaksud lidah. Terdapat **18 huruf Lisan** atau Lidah, iaitu: (ق ك ي ش ج ض ل ن ر) (ت د ط ث ذ ظ ص ز س). Makhraj Lidah ini pula terbahagi kepada **10 bahagian** khusus:

- a) Pangkal lidah, berhampiran dengan kerongkong menyentuh bahagian *anak tekak*: (ق)
- b) Pangkal lidah menyentuh lelangit belakang: (ك)
- c) Tengah lidah ditekan ke lelangit atas: (ش ج ي)
- d) Tepi atau sisi lidah (kiri atau kanan) dirapatkan pada gigi geraham atas (bahagian dalam): (ض ص)
- e) Hujung lidah ditekan ke gusi di atas gigi depan (bahagian dalam): (ل)




f) Hujung lidah ditekan ke lelangit depan, sedikit ke belakang dari makhraj huruf Lam:
 (ن)

g) Hujung lidah diangkat ke lelangit atas, serta dilengkungkan sehingga terlihat lidah bahagian belakang: (ر)

h) Hujung lidah diletakkan ke belakang gigi depan bahagian bawah: (ص ز س)

i) Hujung lidah ditekan ke pangkal gigi depan bahagian atas: (ت ط د)

j) Hujung lidah dikeluarkan sedikit dan ditekan di hujung gigi depan bahagian atas:
 (ذ ث ظ)




3. As-Syafatain (الشفَّتَيْنِ)

➤ Ia bermaksud bibir mulut. Terdapat **4 huruf Syafatain**, iaitu: (ب م و ف). Makhraj ini ini hanya terbahagi kepada **2 bahagian** khusus sahaja:

a) Bibir Bawah ditekan ke Gigi Kapak bahagian atas: (ف)

b) Bibir Bawah dan Atas posisi rapat:


(ب م و)





4. Al-Jauf (الْجَوْفُ)


- Ia bermaksud rongga mulut. Bagi makhraj huruf ini, ia merupakan makhraj khusus bagi **huruf-huruf Mad** yang dikeluarkan melalui Rongga Mulut. Terdapat **3 huruf mad** yang keluar dari rongga mulut, iaitu: (ا و ي).



5. Al-Khaisyum (الْخَيْشُومُ)

- Ia bermaksud Rongga Hidung. Makhraj Khaisyum hanya khusus untuk **ghunnah (dengung)** sahaja. Dengung mestilah dikeluarkan melalui rongga hidung. Dengung hanya berlaku pada huruf Mim (م) dan Nun (ن) yang berbaris mati dan syaddah (sabdu) sahaja.

Gambar di bawah ini dinyatakan sekali contoh-contoh bacaan dengung:






LATIHAN SEBUTAN MAKHRAJ HURUF

أَنِّي	مَئِيْنَا	الْمُؤْنِ	مِنْ	أَنْ	أَنِ	إَمْ	أُو	بَأْ	أُو	إِيْ	إَمْ
بَنِيَا	مَبِيْبَا	الْمُبْنِ	مِنْ	بَبِنْ	بَنِ	بَا	بُو	بَبْ	بُو	بِيْ	بَا
تَنِتَا	مَتِيْتَا	الْمُتْنِ	مِنْ	تَتْنَ	تَنِ	تَا	تُو	بَتْ	تُو	تِيْ	تَا
ثَنِثَا	مَشِيشَا	الْمُشْنِ	مِنْ	ثَشَنْ	ثَنِ	ثَا	ثُو	بَثْ	ثُو	ثِيْ	ثَا
جَنِجَا	مَجِيجَا	الْمُجْنِ	مِنْ	جَجْنَ	جَنِ	جَا	جُو	بَجْ	جُو	جِيْ	جَا
حَنِحَا	مَحِيحَا	الْمُحْنِ	مِنْ	حَحْنَ	حَنِ	حَا	حُو	بَحْ	حُو	حِيْ	حَا
خَنِخَا	مَخِيخَا	الْمُخْنِ	مِنْ	خَخْنَ	خَنِ	خَا	خُو	بَخْ	خُو	خِيْ	خَا
دَنِدَا	مَدِيدَا	الْمُدْنِ	مِنْ	دَدْنَ	دَنِ	دَا	دُو	بَدْ	دُو	دِيْ	دَا
ذَنِدَا	مَذِيدَا	الْمُذْنِ	مِنْ	ذَذْنَ	ذَنِ	ذَا	ذُو	بَذْ	ذُو	ذِيْ	ذَا
رَنِرَا	مَرِيرَا	الْمُرْنِ	مِنْ	رَرْنَ	رَنِ	رَا	رُو	بَرْ	رُو	رِيْ	رَا
زَنِرَا	مَزِيزَا	الْمُزْنِ	مِنْ	زَزْنَ	زَنِ	زَا	زُو	بَزْ	زُو	زِيْ	زَا
سَنِسَا	مَسِيسَا	الْمُسْنِ	مِنْ	سَسْنَ	سَنِ	سَا	سُو	بَسْ	سُو	سِيْ	سَا
شَنِشَا	مَشِيشَا	الْمُشْنِ	مِنْ	شَشْنَ	شَنِ	شَا	شُو	بَشْ	شُو	شِيْ	شَا
صَنِصَا	مَصِيصَا	الْمُصْنِ	مِنْ	صَصْنَ	صَنِ	صَا	صُو	بَشْ	صُو	صِيْ	صَا



ضَبِّنْصًا	مَضِيضاً	الْمُضْنِ	مِنْ	ضَصْنَ	ضَنِ	ضًا	ضُو	بَضْ	ضُو	ضِيْ	ضَا
طَنِطاً	مَطِيطًا	الْمُطْنِ	مِنْ	طَطْنَ	طِنِ	طًا	طُو	بَطْ	طُو	طِيْ	طَا
ظَنِظَا	مَظِيظَا	الْمُظْنِ	مِنْ	ظَظْنَ	ظِنِ	ظًا	ظُو	بَظْ	ظُو	ظِيْ	ظَا
عَنِعاً	مَعِيَا	الْمُعْنِ	مِنْ	عَنْ	عَنِ	عًا	عُو	بَعْ	عُو	عِيْ	عَا
غَنِغاً	مَغِيغاً	الْمُغْنِ	مِنْ	غَفْنَ	غِنِ	غًا	غُو	بَغْ	غُو	غِيْ	غَا
فَنِفاً	مَفِيفًا	الْمُفْنِ	مِنْ	فَفْنَ	فِنِ	فًا	فُو	بَفْ	فُو	فِيْ	فَا
قَنِقاً	مَقِيقًا	الْمُقْنِ	مِنْ	قَقْنَ	قِنِ	قًا	قُو	بَقْ	قُو	قِيْ	قَا
كَنِكاً	مَكِيكًا	الْمُكْنِ	مِنْ	كَكْنَ	كِنِ	كًا	كُو	بَكْ	كُو	كِيْ	كَا
لَلِلاً	مَلِيلاً	الْمُلْنِ	مِنْ	لَلَنَ	لِنِ	لًا	لُو	بَلْ	لُو	لِيْ	لَا
مَنِماً	مَمِيمًا	الْمُمْنِ	مِنْ	مَمْنَ	مِنِ	مًا	مُو	بَمْ	مُو	مِيْ	مَا
نَنِناً	مَنِيناً	الْمُنْنِ	مِنْ	نَنْنَ	نِنِ	نَا	نُو	بَنْ	نُو	نِيْ	نَا
مَنِماً	مَويِواً	الْمُوْنِ	مِنْ	وَوْنَ	وَنِ	وَا	وُو	بَوْ	وُو	وِيْ	وَا
مَنِماً	مَهِيهًا	الْمُهْنِ	مِنْ	هَهْنَ	هِنِ	هًا	هُوْ	بَهْ	هُوْ	هِيْ	هَا
يَنِياً	مَبِييَا	الْمُمِينِ	مِنْ	يَيْنَ	يِنِ	يَا	يُو	بَيْ	يُو	يِيْ	يَا



1. Alif Lam Al-Qamariyyah

- Bunyi alif lam **dinyatakan dengan jelas** (ال / al). Cara bacaannya adalah dengan menyebut huruf lam dengan sebutan yang jelas. Ia boleh dikenali dengan tanda **sukun (mati)** pada huruf lam dan diikuti dengan salah satu dari huruf-huruf Al-Qamariyyah.

- Huruf-huruf Al-Qamariyyah ada 14, iaitu: (ء ب ج ح خ ع ف ق ك م و ه ي)
- Contohnya: (الْإِنْسُنُ - الْجِنُّ - الْبَقَرَةُ - الْحَمْدُ - الْعَالَمِينَ)


2. Alif Lam As-Syamsiyyah

- Bunyi alif lam **tidak disebut atau tidak dinyatakan**. Cara bacaannya adalah dengan memasukkan huruf lam ke dalam huruf-huruf As-Syamsiyyah. Ia boleh dikenali dengan tanda **syaddah (sabdu)** pada huruf- huruf As-Syamsiyyah yang terdapat selepas alif lam.

- Huruf-huruf As-Syamsiyyah juga ada 14, iaitu: (ت ث د ذ ر ز س ش ص ض ط ظ ل ن)
- Contohnya: (النَّاسَ - الرَّحْمَنُ - الشَّمْسُ - الطَّارِقِ - الْزَّلَّاَلُ)



HUKUM BACAAN NUN MATI DAN TANWIN



Carta Nun Mati Dan Tanwin

1. Izhar Halqi ¹(إِذْهَارُ حَلْقِيٌّ)

- Izhar bermaksud jelas atau nyata. Halqi bermaksud halkum atau kerongkong.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu huruf halqi yang enam, iaitu: (ء، ع، ح، غ، خ)، maka cara bacaannya adalah dengan menjelaskan sebutan huruf nun mati atau tanwin tersebut.
- Contohnya: (مَنْ ءَامَنَ - أَنْعَمْتَ - رِزْقًا حَسَنًا - غَفُورًا حَلِيمًا - خُلُقٌ عَظِيمٌ)

¹ Dalam Rasm 'Uthmani, hukum Izhar Halqi diletakkan tanda sukun(mati) pada huruf nun mati. Fathatain (dua baris atas) dan Kasratain (dua baris bawah) yang selari. Manakala Dhommatain (dua baris depan) yang tidak selari.



2. Idgham Bila Ghunnah² (إِدْغَامٌ بِلَا غُنَّةً)

- Bermaksud memasukkan tanpa dengung.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu daripada dua huruf Idgham Bila Ghunnah, iaitu: (ل ر) dalam dua perkataan, maka cara bacaannya adalah dengan memasukkan huruf nun mati atau tanwin tersebut ke dalam salah satu daripada dua huruf Idgham Bila Ghunnah tanpa didengangkan.
- Contohnya: (أَنْ رَءَاهُ اسْتَغْنَى - مِنْ لَدْنْ - غَفُورٌ رَّحِيمٌ - يُبَيِّنُ لَنَا - بِمُؤْمِنٍ لَنَا)

** Terdapat satu tempat yang dikecualikan dari bacaan idgham, iaitu: **وَقِيلَ مَنْ رَاقِ**³. Kerana ia dibaca dengan saktah.

3. Idgham Bi Ghunnah⁴ (إِدْغَامٌ بِغُنَّةٍ)

- Bermaksud memasukkan dengan dengung.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu huruf Idgham Bi Ghunnah yang empat, iaitu: (ي ن م و) **dalam dua perkataan**, maka cara bacaannya adalah dengan memasukkan huruf nun mati atau tanwin tersebut ke dalam salah satu dari empat huruf Idgham Bi Ghunnah dengan disertakan bersamanya bunyi dengung dua harakat.
- Contohnya: (أَنْ يُوَصَّلَ - مِنْ وَاقٍ - حِسَابًا يَسِيرًا - مِنْ مَقَامٍ - لَنْ ثُدْخَلَهَا)

² Dalam Rasm ‘Uthmani, hukum Idgham Bila Ghunnah, Idgham Bi Ghunnah dan Ikhfa’ Haqiqi tidak diletakkan tanda sukun pada huruf nun. Baris Fathatain dan Kasratain yang tidak selari. Manakala baris Dhommatain yang selari.

³ Surah Al-Qiyamah: 27

⁴ Rujuk nota kaki 2



** Izhar Mutlaq ^(إِظْهَارٌ مُطْلَقٌ)

- Ia berlaku apabila nun mati bertemu dengan huruf-huruf Idgham Bi Ghunnah di **dalam satu perkataan**. Cara bacaannya hendaklah dijelaskan sebutan nun mati tersebut, tanpa didengungkan.
- Terdapat **4 perkataan** sahaja yang menggunakan kaedah bacaan Izhar Mutlak di dalam Mushaf (Al-Qur'an): (الدُّنْيَا - بُنْيَانٌ - صِنْوَانٌ - قِنْوَانٌ)

4) Iqlab ^{٥(إِقْلَابٌ)}

- Bermaksud membalikkan atau menggantikan.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan huruf ba (ب), maka cara bacaannya adalah dengan mengubah atau menukar bunyi nun mati menjadi bunyi huruf mim mati, serta di dengungkan dua harakat.
- Contohnya: (لَيُبَذَّنَ لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ)

5. Ikhfa' Haqqi ^{٦(إِحْفَاءُ حَقِيقَىٰ)}


- Ikhfa' bermaksud sembunyi, samar atau tidak jelas.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu daripada 15 huruf Idgham Bi Ghunnah (ت ث ج د ذ ز س ش ض ط ظ ف ق ك), maka cara bacaannya adalah dengan bunyi samar-samar, antara jelas antara izhar dan idgham beserta dengung.
- Contohnya: (عَنْ صَلَاتِهِمْ - عِنْدَ اللَّهِ - ثَمَنًا قَلِيلًا - يَنْتَهُونَ - أَنْ تَرْكَى)

⁵ Dalam Rasm 'Uthmani, hukum Iqlab tidak diletakkan tanda sukun pada huruf nun mati, dan diletakkan huruf mim kecil di atasnya. Manakala tanwin (baris dua), digugurkankan satu baris dan diletakkan huruf mim kecil padanya. Bibir mulut direnggangkan sedikit, atau boleh juga dirapatkan ketika membacanya.

⁶ Rujuk nota kaki 2



HUKUM BACAAN MIM MATI



Carta Mim Mati

1. Idgham Mislain Soghir⁷

- Bermaksud memasukkan dua huruf yang sama, iaitu dua huruf mim.
- Ia berlaku apabila mim mati bertemu dengan huruf mim (م) yang berbaris, maka cara bacaannya mesti didengungkan dengan kadar dua harakat.
- Contohnya: (وَهُمْ مُهْتَدُونَ - يَعِدُكُمْ مَغْفِرَةً)

⁷ Dalam Rasm ‘Uthmani, hukum Idgham Mislain Soghir dan Ikhfa’ Syafawi tidak diletakkan tanda sukun pada huruf mim mati.



2. Ikhfa' Syafawi⁸ (إِخْفَاءُ شَفَوِيٍّ)

- Ikhfa' bermaksud sembunyi atau samar-samar. Syafawi bermaksud bibir mulut.
- Ia berlaku apabila mim mati bertemu dengan huruf mim (ب) yang berbaris, maka cara bacaannya mesti didengungkan dengan kadar dua harakat.
- Contohnya: عَلَيْكُمْ بُوكِيلٌ - إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ ()

3. Izhar Syafawi⁹ (إِظْهَارُ شَفَوِيٍّ)

- Izhar bermaksud jelas atau nyata. Syafawi bermaksud bibir mulut.
- Ia berlaku apabila mim mati bertemu dengan salah satu huruf hijaiyyah selain huruf mim (م) dan ba (ب), maka cara bacaannya mesti dibaca dengan jelas atau nyata huruf mim mati tersebut.
- Contohnya: أَمْ تَسْتَأْتِمُ خَرْجًا - فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ - فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ ()

BACAAN MIM DAN NUN SYADDAH (ن م)

Syaddah adalah baris sabdu (ن). Apabila terdapat huruf nun atau mim bertanda syaddah, maka **wajib didengungkan dengan kadar 2 harakat** samada ada ketika berhenti mahupun ketika sambungkan bacaan.


- Contohnya: فَإِنَّهُمْ - أَمَنَ يُحِبُّ - وَأَنَّ اللَّهَ ()

⁸ Rujuk nota kaki 7

⁹ Dalam Rasm 'Uthmani, hukum Izhar Syafawi diletakkan tanda sukun pada huruf mim mati.



JENIS-JENIS IDGHAM



1. Idgham Mutamasilain (إِدْغَامٌ مُتَمَاثِلَيْن)

- Idgham bermaksud memasukkan. Mutamasilain pula bermaksud dua huruf yang serupa.
- Ia berlaku apabila bertemu dua huruf yang sama, maka cara bacaannya hendaklah dimasukkan huruf yang pertama ke dalam huruf yang kedua dengan sempurna.
- Contohnya: (رَبَحَتْ تَجَارَتُهُمْ - إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ - فَهَلْ لَنَا - أَيْنَمَا يُوَجِّهُ - عَصَوا وَكَانُوا)

2. Idgham Mutajanisain (إِدْغَامٌ مُتَجَانِسَيْن)

- Idgham bermaksud memasukkan. Mutajanisain pula bermaksud dua huruf yang berhampiran jenis.
- Ia berlaku apabila bertemu dua huruf yang sama pada mahkraj, tetapi berlainan pada sifat, maka cara bacaannya hendaklah dimasukkan huruf yang pertama ke dalam huruf yang kedua secara sempurna.
- Contohnya: (وَلَقَدْ تَرَكْنَا - أَنْقَلَتْ دَعَوَا - وَدَّتْ طَائِفَةً - إِذْظَلَمُوا - يَلْهَثْ ذَلِكَ - ارْكَبْ مَعَنَا)

** Terdapat juga huruf (ط) yang diidghamkan ke dalam huruf (ت) secara tidak sempurna (**Idgham Naqis**)¹⁰: (أَحَطْ - بَسْطَ - مَا فَرَطْتُ - مَا فَرَطْتُمْ)

¹⁰ Mengelalkan sifat itbaq (kuat) yang ada pada huruf (ط). Idgham Naqis (tidak sempurna) tidak diletakkan tanda syaddah (sabdu) pada huruf yang kedua. Manakala Idgham Kamil (sempurna) diletakkan tanda syaddah padanya.




3. Idgham Mutaqoribain (إِدْغَامُ مُتَقَارِبَيْنَ)

- Idgham bermaksud memasukkan. Mutaqoribain pula bermaksud dua huruf yang berhampiran sama pada makhraj dan juga sifat huruf.
- Mengikut Riwayat Hafs, hukum ini hanya berlaku apabila huruf (ل) dengan (ر), dan huruf (ق) dengan (ك) yang saling bertemu, maka cara bacaannya hendaklah diidhamkan huruf pertama ke dalam huruf kedua secara sempurna tanpa didengungkan.
- Contohnya: (بَلْ رَبُّكُمْ - قُلْ رَبِّي - بَلْ رَفِعَه - أَلْمَ نَخْلَقُكُمْ)

** Terdapat satu tempat yang dikecualikan dari bacaan idgham, iaitu: **كَلَّا بَلْ رَانَ**¹¹. Kerana ia dibaca dengan saktah.

JENIS-JENIS MAD



¹¹ Surah Al-Muthaffifin: 14



Erti Mad ialah bacaan panjang, atau memanangkan suara pada sesuatu bacaan. Terdapat 3 huruf mad, iaitu: ا و ي. Mad terbahagi kepada **2 pembahagian besar**, iaitu Mad Asli dan Mad Far'i. **Mad Asli**¹² bermaksud asal, ia merujuk kepada bacaan panjang yang tetap dengan kadar 2 harakat sahaja. **Mad Far'i** pula bermaksud cabang, ia merujuk kepada bacaan panjang yang pelbagai atau melebihi 2 harakat.

1. Mad Wajib Muttasil (مَدْ وَاجِبٌ مُتَّسِلٌ)

- Muttasil bermaksud bersambung atau berantai. Mad ini berlaku apabila salah satu daripada huruf mad bertemu dengan huruf hamzah dalam **satu perkataan**. Dibaca panjang **4, 5, atau 6 harakat**.
- Contohnya: وَجَاءَ - سَوَاءٌ - مَاءٌ - يَشَاءُ ()

2. Mad Jaiz Munfasil (مَدْ جَائِزٌ مُنْفَصِلٌ)

- Munfasil bermaksud berpisah. Mad ini berlaku apabila salah satu daripada huruf mad bertemu dengan huruf hamzah dalam **dua perkataan yang berlainan**. Dibaca panjang **4 atau 5 harakat**.
- Contohnya: إِنَّا أَنْزَلْنَا - وَمَا أَدْرَاكَ - وَإِذَا أَرَادَ ()

3. Mad 'Aridh Lissukun (مَد عَارِضٌ لِلسُّكُونِ)

- Bermaksud Mad yang mendarang kerana sukun. Ia berlaku apabila selepas **mad asli** ada satu huruf yang berbaris, dan huruf tersebut disukunkan kerana waqaf (berhenti).
- Dibaca dengan kadar **2, 4 atau 6 harakat ketika waqaf**. Sekiranya tidak diwaqafkan, maka hukumnya kembali seperti hukum asal mad asli.
- Contohnya: الْعَالَمِينَ - الرَّحِيمُ - نَسْتَعِينُ - الْمُسْتَقِيمُ ()

¹² Sebelum huruf (ا) berbaris fathah. Sebelum huruf (ي) berbaris kasrah. Sebelum huruf (و) berbaris Dhommah. Dibaca panjang 2 harakat. Nama lain bagi Mad Asli ialah Mad Thobi'i. Contoh: (نُوحِيَّا)



4. Mad Lin (مَدٌ لِّينٌ)

- Lin bermaksud lembut. Hanya berlaku pada dua huruf mad sahaja, iaitu: (يُ) dan (فُ). Sebelum dua huruf tersebut mestilah berbaris fathah, dan selepasnya terdapat satu huruf yang berbaris. Ia terjadi apabila mewaqafkan huruf yang terakhir selepas huruf mad tersebut.
- Dibaca dengan kadar **2, 4 atau 6 harakat ketika waqaf**. Sekiranya disambungkan bacaan, maka gugurlah hukum mad di situ.
- Contohnya: (خَوْفٍ - الْبَيْتِ - قُرْبَشٍ - نَوْمٌ)

5. Mad ‘Iwadh (مَدٌ عَوْضٌ)

- ‘Iwadh bermaksud gantian atau tukaran. Mad ini terjadi apabila mewaqafkan bacaan pada akhir kalimah yang terdapat huruf **berbaris fathatain** (baris dua di atas). Cara bacaannya ialah dengan menggugurkan bunyi tanwin dan menggantikannya dengan sebutan fathah biasa.
- Hanya dibaca panjang **2 harakat ketika waqaf sahaja**.
- Contohnya: (حَكِيمًا - سَمِيعًا - مَاءً - نِسَاءً)

 ↓ ↓ ↓ ↓
- Cara baca: (حَكِيمًا - سَمِيعًا - مَاءً - نِسَاءً)

** Terdapat satu huruf yang dikecualikan dari hukum bacaan Mad ‘Iwadh, iaitu huruf Ta Marbutah (ة), kerana ia akan tetap dibaca dengan huruf Ha (ه) ketika waqaf.



6. Mad Badal (مَدْ بَدَلٌ)

- Badal juga bermaksud gantian. Ia terjadi apabila huruf hamzah bertemu huruf mad pada awal kalimah. Pada asalnya, berlaku pertemuan dua hamzah (yang pertama berbaris, yang kedua sukun), dan kemudiannya hamzah kedua (sukun) tersebut digantikan dengan huruf mad dengan mengikut baris hamzah pertama bagi memudahkan bacaan.
- Dibaca dengan kadar **2 harakat sahaja** mengikut Riwayat Hafs.
- Contohnya: ءَامَنَ - أُؤْتُوا - إِيمَانًا ()
 ↓ ↓ ↓ ↓
 Perkataan Asal: ءَامَنَ - أُؤْتُوا - إِيمَانًا ()

7. Mad Tamkin (مَدْ تَمْكِينٌ)

- Tamkin bermaksud tetap. Mad ini terjadi apabila **dua huruf (ي)** bertemu dalam satu kalimah. Huruf (ي) yang pertama berbaris syaddah dan kasrah. Manakala huruf (ي) yang kedua berbaris sukun (mad).
- Dibaca dengan kadar **2 harakat sahaja** ketika bacaannya bersambung dengan huruf yang berikutnya.

➤ Contohnya: (النَّبِيُّنَ - أَمْمَنَ - رَبَانِيُّنَ - حُسْيُّنَ)

7. Mad Silah (مَدْ صَلَةً)

Silah bermaksud sambung. Mad ini terjadi apabila huruf Ha Dhamir (ه) berada pada akhir kalimah, atau kata ganti nama diri yang ketiga bagi lelaki. Syarat untuk menjadikan Mad Silah adalah huruf sebelum dan selepas Ha Dhamir tersebut berbaris samada fathah, kasrah mahupun dhammad. Dibaca dengan silah atau mad ketika menyambungkan bacaan sahaja, ia terbahagi kepada dua:



i. Mad Silah Qasirah (مَدْ صِلَةُ قَصِيرَةٌ)

- Qasirah bermaksud pendek. Terjadi apabila selepas Ha Dhamir (﴿) terdapat huruf selain huruf hamzah (ء). Dibaca dengan kadar **2 harakat sahaja** ketika sambungkan bacaan.
- Contohnya: رَبِّهِ، فَأَكْرَمَهُ، وَنَعَمَهُ، فَيَقُولُ / إِلَى رَبِّهِ مَتَابِأً

ii. Mad Silah Thowilah (مَدْ صِلَةُ طَوِيلَةٌ)

- Thowilah bermaksud panjang. Terjadi apabila terdapat huruf hamzah (ء) selepas Ha Dhamir (﴿). Dibaca dengan kadar **4 atau 5 harakat** ketika sambungkan bacaan.
- Contohnya: عَذَابَهُ، أَحَدٌ / وَثَاقَهُ، أَحَدٌ

** Terdapat satu tempat di dalam Al-Qur'an mengikut Riwayat Hafs yang tidak disilahkan Ha Dhamir tersebut walaupun cukup syarat Mad Silah, iaitu: وَإِن تَشْكُرُوا يَرْضَهُ لَكُمْ¹³

** Terdapat juga satu tempat yang tidak cukup syarat Mad Silah, tetapi disilahkan Ha Dhamir juga tersebut, iaitu: وَيَخْلُدُ فِيهِ مُهَكَّمًا¹⁴ (sebelum huruf Ha Dhamir berbaris sukun).

8. Mad Faraq (مَدْ فَرَقٌ)

- Mad ini terjadi apabila berlaku pertemuan dua hamzah pada awal kalimah. Hamzah yang pertama adalah hamzah istifham (hamzah pertanyaan), manakala hamzah kedua adalah hamzah wasal.
- Dibaca dengan kadar **6 harakat, atau dibaca dengan tashil**¹⁵.
- Contohnya: (ءَاللَّهُ - ءَالذَّكَرِينَ - ءَالْأَنَّ)

¹³ Surah Az-Zumar: 7

¹⁴ Surah Al-Furqan: 69

¹⁵ Tashil bermaksud memudahkan atau meringankan. Huruf Hamzah kedua dibaca antara hamzah dengan alif.



9. Mad Lazim (مَدْ لَازِمٌ)

Lazim bermaksud kebiasaan atau pasti, merujuk kepada harakat mad yang wajib dibaca dengan kadar **6 harakat**. Ia terjadi apabila salah satu huruf mad bertemu dengan huruf yang suku asli atau tidak asli (syaddah). Mad Lazim terbahagi kepada 2 bahagian: (1) **Mad Lazim Kalimi¹⁶** (kalimah). (2) **Mad Lazim Harfi¹⁷** (Huruf), dan setiap bahagian ini pula mengandungi 2 bahagian kecil, iaitu: (i) **Mukhaffaf¹⁸** (ringan) (ii) **Muthaqqal¹⁹** (berat).

I. Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf (مَدْ لَازِمٌ كَلِيمِي مُخَفَّفٌ)


- Mad ini terjadi apabila huruf mad **bertemu huruf berbaris sukun** dalam perkataan. Sebutan huruf selepas huruf mad dijelaskan tanpa diidhamkan.
- Contohnya: (عَالَشَ)

II. Mad Lazim Kalimi Muthaqqal (مَدْ لَازِمٌ كَلِيمِي مُثَقَّلٌ)

- Mad ini terjadi apabila huruf mad **bertemu huruf berbaris syaddah** dalam perkataan. Sebutan huruf selepas huruf mad tersebut diidhamkan.
- Contohnya: (الضَّالُّينَ - الْحَافَّةُ - خَاصَّةٌ)

III. Mad Lazim Harfi Mukhaffaf (مَدْ لَازِمٌ حَرْفِي مُخَفَّفٌ)

- Mad ini terjadi apabila huruf mad bertemu huruf berbaris sukun. Ia berlaku di dalam huruf pada permulaan surah (Fawatihi As-Suwar). Sebutan huruf selepas huruf mad **tidak diidhamkan** ke dalam huruf berikutnya.



** Untuk kenal pasti hukum ini, mestilah diceraikan setiap huruf seperti di atas.

¹⁶ Berlaku samada di awal, pertengahan atau akhir surah.

¹⁷ Hanya berlaku di permulaan surah sahaja. Terdapat 5 huruf yang dibaca dengan 2 harakat: (ح ي ط ه ر).

Huruf alif tidak dibaca panjang. Selain huruf ini, dibaca dengan kadar 6 harakat.


¹⁸ Merujuk kepada bacaan izhar atau ikhfa', dan tidak diidhamkan.

¹⁹ Merujuk kepada bacaan idgham atau memasukkan (berat).



IV. Mad Lazim Harfi Muthaqqal (مَد لازِمٌ حَرْفِيٌّ مُثَقَّلٌ)

- Mad ini terjadi apabila huruf mad bertemu huruf berbaris sukun. Ia berlaku di dalam huruf pada permulaan surah (Fawatihu As-Suwar). Sebutan huruf selepas huruf mad **diidghamkan** ke dalam huruf berikutnya.



** Untuk kenal pasti hukum ini, hendaklah diceraikan setiap huruf seperti di atas. Sekiranya huruf yang sukun bertemu dengan huruf yang berbaris, dan hukumnya idgham (seperti yang digariskan di atas), maka ia adalah Mad Lazim Kalimi Muthaqqal, kerana muthaqqal merujuk kepada bacaan idgham atau berat.

** Selain itu, ada juga **cara mudah** untuk kenal pasti hukum ini sekiranya tidak diceraikan setiap huruf di awal surah, iaitu: **terdapat huruf (ن) selepas huruf (م)** **atau** **(س) selepas huruf (ل)** pada setiap gabungan huruf di awal surah.

ن	ر	ه	ط	ى	ح	ا
م	ك	ل	س	ع	ص	ق

الـ المـصـ الـرـ الـمـرـ كـهـيـعـصـ
 طـهـ طـسـ طـسـمـ يـسـ صـ حـمـ
 قـ قـ عـسـقـ عـسـقـ تـ

Apabila terdapat huruf berikut (ن ص ع س ل ك م) pada huruf potongan dipermulaan surah, maka ia wajib dibaca dengan kadar **6 harakat**. Manakala jika terdapat huruf (ح ي ط ه ر) maka dibaca dengan **2 harakat** sahaja. Huruf alif dibaca tanpa mad.



HUKUM BACAAN RA (ر)

Tafkhim (tebal)	Tarqiq (nipis)	Tafkhim Atau Tarqiq (Boleh dibaca kedua-duanya)
1. Ra berbaris fathah atau dhammah: (رَسُولٌ)	1. Ra berbaris kasrah: (رِزْقٌ)	1. Ra sukun, sebelumnya huruf berbaris kasrah, dan selepasnya huruf isti'la' berbaris kasrah atau kasratain: (فِرْقٌ - بِحْرٌ صِ)
2. Ra sukun, sebelumnya huruf berbaris fathah atau dhammah: (مَرْيَمٍ - فُرْقَانًا)	2. Ra sukun, sebelumnya huruf berbaris kasrah, selepasnya bukan huruf isti'la': (فِرْعَوْنٌ - الْفِرْدَوْسِ)	2. Ra sukun kerana diwaqafkan, sebelumnya huruf isti'la' yang bertanda sukun, dan sebelum huruf tersebut adalah huruf berbaris kasrah: (الْقِطْرُ - مِصْرُ)
3. Ra sukun kerana diwaqafkan, sebelumnya terdapat huruf berbaris fathah atau dhammah: (الْكَوْثَرُ - يَنْصُرُ)	3. Ra sukun kerana diwaqafkan, sebelumnya terdapat huruf berbaris kasrah: (بِمُصَيْطِرٍ - مُنَتَّصِرٍ)	
4. Ra sukun kerana diwaqafkan, sebelumnya terdapat huruf bertanda sukun atau huruf mad 'alif' dan 'wau'. Sebelum huruf mad atau huruf sukun tersebut berbaris fathah atau dhammah: (بِالْكُفْرِ - أَجْرٌ - النَّارُ - النُّورُ)	4. Ra sukun kerana diwaqafkan, sebelumnya terdapat huruf mad 'ya', atau terdapat huruf bertanda sukun selain huruf isti'la'. Sebelum huruf mad atau huruf sukun tersebut berbaris kasrah: (لَخَيْرٌ - خَيْرٌ - السَّخْرَ - الدَّكْرُ)	
5. Ra sukun, sebelumnya terdapat huruf berbaris kasrah yang mendatang (hamzah wasl): (أَمْ ارْتَابُوا - ارْجِعِي - ارْحَمْنَا)	6. Ra sukun, sebelumnya terdapat huruf berbaris kasrah, dan selepasnya huruf isti'la', dan kedua-duanya terpisah (dalam 2 kalimah): (فَاصْبِرْ صَبِرًا - وَلَا تُصَعَّرْ خَدَكَ)	
6. Ra sukun, sebelumnya terdapat huruf berbaris kasrah, dan selepasnya terdapat huruf isti'la' ²⁰ berbaris fathah atau dhammah di dalam perkataan yang sama: (مِرْصَادًا - فِرْقَةٍ - قِرْطَاسٍ)		


²⁰ Huruf Isti'la' adalah huruf yang bersifat tinggi pada sebutannya. Ada 7 huruf kesemuanya: **(خَصَضَ غَطَقَ ظَ)**



HUKUM LAM PADA LAFAZ AL-JALALAH "الله"

Taghliz (tebal)	Tarqiq (nipis)
<p>Wajib dibaca Taghliz atau tebal, sekiranya huruf sebelum Lafaz Al-Jalalah berbaris fathah atau dhammah:</p> <p>(مِنَ اللَّهِ - مَا شَاءَ اللَّهُ - فَضْلُ اللَّهِ - قَالُوا اللَّهُمَّ)</p>	<p>Wajib dibaca Tarqiq atau nipis, sekiranya huruf sebelum Lafaz Al-Jalalah berbaris kasrah:</p> <p>(قُلِ اللَّهُ - إِلَّا بِاللَّهِ - أَمْرُ اللَّهِ - قُلِ اللَّهُمَّ)</p>

QALQALAH



Qalqalah bermaksud lantunan atau detakan bunyi yang dipantulkan apabila huruf qalqalah bertanda sukun atau berbaris ketika diwaqafkan bacaan padanya. Huruf qalqalah ada 5, iaitu:

(ق ط ب ج د)

1. Qalqalah Sughra (قلقلةٌ صُغْرَى)

- Sughra bermaksud kecil, merujuk kepada lantunan yang paling kecil atau rendah. Ia terjadi apabila **huruf qalqalah bertanda sukun berada di pertengahan kalimah, atau berada di pertengahan bacaan**.
- Contohnya: (قَدْ كَانَ لَكُمْ - وَخَلَقْنَاكُمْ أَزْوَاجًا - أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهَادًا)

2. Qalqalah Kubra (قلقلةٌ كُبْرَى)

- Kubra bermaksud besar, merujuk kepada lantunan yang sederhana kuat. Ia terjadi apabila mewaqafkan bacaan pada **huruf qalqalah yang berada di hujung kalimah, dan huruf tersebut tidak bertanda syaddah**. Sukun pada huruf qalqalah di sini merupakan sukun yang ‘aridh (mendatang) disebabkan waqaf padanya.
- Contohnya: (وَالسَّمَاءُ ذَاتُ الْبُرُوجِ - وَالْيَوْمُ الْمَوْعِدِ - إِنَّ رَبَّكَ لِبِالْمِرْصَادِ)



3. Qalqalah Akbar (قلقةٌ أَكْبَرُ)

- Akbar bermaksud paling besar, merujuk kepada lantunan yang paling kuat. Ia berlaku apabila mewaqafkan bacaan pada **huruf qalqalah yang berada di hujung kalimah, dan huruf tersebut bertanda syaddah**. Sukun pada huruf qalqalah di sini merupakan sukun yang ‘aridh (mendatang) disebabkan waqaf padanya.
- Contohnya: تَبَتْ يَدَآ أَبِي لَهَبٍ وَتَبَ () ذَلِكَ الْيَوْمُ الْحَقُّ -

Ada pendapat yang menyatakan bahawa qalqalah hanya terbahagi kepada 2, **tanpa disertakan Qalqalah Akbar. Bahkan menggabungkan bacaan tersebut di dalam Qalqalah Kubra.

TANDA-TANDA WAQAF

Waqaf bermaksud berhenti iaitu memberhentikan bacaan pada akhir ayat atau pada pertengahan ayat. Di bawah ini antara tanda-tanda waqaf serta maksud yang terdapat di dalam Al-Qur'an:

ر	Waqaf <i>Lāzim</i>	Mesti berhenti
ق	Al-Waqfu Aulā	Berhenti lebih utama
ه ه	Waqaf <i>Mu'ānaqah</i>	Boleh berhenti di salah satu tanda tersebut, namun tidak boleh berhenti di keduanya
ج	Waqaf <i>Jā'iz</i>	Boleh berhenti, boleh pula disambung
س	Al-Waṣlu Aulā	Disambung lebih utama
ي	'Adamul Waqf	Dilarang berhenti



CARA BACAAN HAMZAH WASAL

۱

Mengikut Rasm ‘Uthmani, hamzah wasal ditulis dengan huruf alif, dan diletakkan simbol seakan bentuk kepala huruf Shod (ص). Huruf ini hanya terdapat di awal perkataan sahaja, dan ia dibunyikan (dibariskan) ketika memulakan bacaan padanya sahaja. Sekiranya bacaan sambung dengan perkataan sebelumnya, maka gugur atau hilanglah hamzah tersebut dari sebutan (baris).

Hamzah wasal biasanya terdapat pada kata perbuatan (Fi’il – فعل) dan kata nama (isim – اسم).

Hamzah wasal pada kata nama:

1. Cara bacaan hamzah yang dimulakan dengan **alif lam ma’rifah** (اَلْمَرْفَعُ) adalah dengan **baris fathah**.

Contohnya: (الْقَمَرُ - الشَّمْسُ - الصَّحْنُ)

2. Cara bacaan hamzah wasal pada kata nama yang yang **tidak dimulakan dengan alif lam ma’rifah** (اَلْمَرْفَعُ) ialah dengan **baris kasrah**. Ia dinamakan Isim Nakirah.

Contohnya: (ابْنُ - اسْمُ - امْرَأَتِي)

Hamzah wasal pada kata perbuatan:

Cara bacaan hamzah wasal pada kata perbuatan ialah dengan **melihat baris huruf ketiga**:

- a) Jika huruf ketiga berbaris fathah atau kasrah, maka hamzahnya mestilah dibariskan dengan kasrah.

Contohnya: (اهْدِنَا - اقْرَأْ - ارْجِعِي)

- b) Jika huruf ketiga berbaris dhammah, maka hamzahnya mestilah dibariskan dengan dhammah juga.

Contohnya: (انظُرُوا - افْتَلُوا - ارْكُضْ)


** Terdapat **6 perkataan** dalam Al-Qur'an yang tidak mengikut kaedah asas di atas. Walaupun huruf ketiganya berbaris dhammah, hamzah wasalnya tetap dibaca dengan baris kasrah. 6 perkataan tersebut ialah:

(امْشُوا - امْضُوا - اقْضُوا - اغْدُوا - ابْنُوا - ائْتُونِي)



ILTIQA' SAKINAIN / NUN AL-WIQAYAH

- Iltiqa' Sakinain bermaksud pertemuan dua huruf bertanda sukun. Nun Al-Wiqayah pula bererti huruf nun pengganti.
- Apabila **tanwin²¹** bertemu dengan **hamzah wasal** ketika bacaan sambung antara kedua-duanya, maka cara bacaannya ialah dengan menukar tanwin (baris dua) kepada satu baris, serta menggantikannya dengan huruf nun berbaris kasrah (ن).



- Contohnya: (خَيْرًا الْوَصِيَّةُ - كَرِمًا اشْتَدَتْ - وَقَالَتِ الْيَهُودُ عَزِيزٌ ابْنُ اللَّهِ)

²¹ Tanwin ialah baris dua, dan ia adalah jelmaan kepada huruf nun sukun. Contoh: خَيْرٌ = خَيْرًا



BACAAN-BACAAN GHARIB DALAM AL-QUR'AN

Gharib bermaksud ganjil atau asing. Di dalam ilmu tajwid, ia bermaksud kesamaran pada bacaan. Ia merujuk kepada bacaan khusus pada sesetengah tempat dalam Al-Qur'an mengikut Riwayat Hafs, Qiraat 'Asim. Antara bacaan gharib yang terdapat di dalam Al-Qur'an adalah seperti berikut:

1) Saktah (سْكْتَةٌ)

- Ia bermaksud berhenti sejenak atau seketika sambil menahan nafas (tanpa mengambil nafas yang baru). Biasanya tempat yang wajib dibaca saktah ditulis padanya huruf sin (س) kecil. Mengikut Riwayat Hafs, hanya terdapat **4 tempat sahaja** yang dibaca dengan saktah di dalam Al-Qur'an, iaitu:

- a. Surah Al-Kahfi: 1

وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوْجَّا ۝ ۱ قِيمًا لِّسْنِدَرَ بَأْسَا شَدِيدًا

- b. Surah Yaasin: 52

قَالُوا يَنْوِيلَنَا مَمْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ

- c. Surah Al-Qiyaamah: 27

وَقِيلَ مَنْ رَاقِ ۝ ۲۷

- d. Surah Al-Muthaffifin: 14

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ۝ ۱۴

2. Tashil (تسْهِيلٌ)

- Ia bermaksud memudahkan atau meringankan bacaan secara samar-samar. Ia berlaku apabila terdapat dua hamzah yang berturutan dalam satu kalimah. Cara bacaannya adalah dengan membaca hamzah pertama dengan bacaan biasa, dan hamzah kedua dibaca dengan bunyi samar-samar (*seakan-akan bunyi di antara huruf hamzah dan alif*). Diletakkan tanda **bulat berwarna hitam** diatas huruf hamzah yang kedua. Mengikut Riwayat Hafs, hanya terdapat satu tempat sahaja yang wajib dibaca dengan tashil, iaitu:

- Pada Surah Fussilat: 44

ءَانْجَحِي وَعَرَبِي



3. Isymam (إِشْمَامٌ)

- Ia adalah bacaan yang memuncungkan kedua bibir mulut. Diletakkan bentuk **diamond** di antara huruf mim dan juga nun sebagai tanda bacaan isymam. Mengikut Riwayat Hafs, hanya terdapat satu tempat sahaja yang wajib dibaca dengan isymam, iaitu:

- Pada Surah Yusuf: 11

قالُوا يَأَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَصِحُونَ
١١

4. Naqal (نَقلٌ)

- Ia bermaksud memindahkan baris huruf hamzah kepada huruf lam sebelumnya pada kalimah alif lam. Perkataan asal adalah (الإِسْمُ), setelah dipindahkan baris hamzah kepada lam, ia menjadi (الإِسْمُ). Mengikut Riwayat Hafs, hanya terdapat satu tempat sahaja yang wajib dibaca dengan naqal, iaitu:

- Pada Surah Al-Hujuraat: 11

يَسَّرَ الْإِسْمُ الْفُسُوقَ بَعْدَ الْإِيمَنِ

5. Imalah (إِمَالَةٌ)

- Ia bermaksud bacaan yang condong, iaitu dengan mengubah baris biasa kepada baris pertengahan (antara fathah dan kasrah). Diletakkan bentuk **diamond** di bawah huruf ra sebagai tanda untuk bacaan imalah pada huruf ra tersebut. Mengikut Riwayat Hafs, hanya terdapat satu tempat sahaja yang wajib dibaca dengan Imalah, iaitu:

- Pada Surah Hud: 41

وَقَالَ أَرْكَبُوْفَهَا إِسْمُ اللَّهِ بَعْرِبَهَا وَمُرْسَنَهَا



6. Ibdal (إِبْدَال)

- Ia bermaksud menukarkan huruf hamzah kepada huruf mad. Apabila dua hamzah bertemu dalam satu kalimah (hamzah pertama berbaris, hamzah kedua sukun), maka hamzah kedua berbaris sukun tersebut diibdalkan (ditukarkan) kepada huruf mad. Ia juga sama seperti hukum bacaan Mad Badal.
- Perkataan (أَتُونِي) dibaca (أَتُؤْنِي)
- Surah Al-Ahqaf: 4

أَتُؤْنِي بِكِتَابٍ مِّن قَبْلِ هَذَا

HURUF SHOD (ص) YANG DIBACA DENGAN HURUF SIN (س)

Sekiranya terdapat huruf sin kecil di atas atau di bawah huruf shod, maka ia boleh dibaca dengan dua cara, samada dibaca dengan huruf sin, ataukekalkan huruf shod. Namun huruf yang berada di atas adalah lebih diutamakan untuk membacanya.

- Surah Al-Baqarah: 245



وَاللهُ يَعِصُّ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

- Surah Al-A'raaf: 69

وَزَادَكُمْ فِي الْخَلْقِ بَصْرَةً

- Surah At-Thuur: 37



أَمْ عِنْدَهُمْ خَرَائِينَ رَبِّكَ أَمْ هُمُ الْمُصَيْطِرُونَ

****Peringatan:** Bacaan-bacaan ganjil ini mestilah diambil dari guru secara bertalaqqi, agar tidak melakukan kesilapam dalam bacaan.

- وَاللهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ -